BAHASA MELAYU

Salah Pada Sebutan Betul
Pada Tulisan

Di dalam majalah "Qalam" keluaran Oktober 1953. Telah saya terangkan sedikit Bahasa Melayu yang sangat betul pada sebutan, akan tetapi sangatlah salahnya pada tulisannya. Berkenaan denga huruf-huruf penambah "yang" itu dirangkaikan ejaannya kepada perkataan-perkataan nama atau pengganti nama. Atau binatang-binatang atau kampung-kampung, atau seumpama sama ada pada pangkalnya atau hujungnya itu. Maka sekarang suka saya mengambil peluang di sini tentang perkataan-perkataan Bahasa Melayu yang salah serta berselisihan atau berlainan-lainan dan salah sangat pada sebutannya. Akan tetapi bersatu sama betul pada tulisannya.

(oleh Musyfa')

Sesungguhnya telah ada orang-orang bertanya mengapa saya jadikan majalah "Qalam" dan saudaranya "Warta" sebagai majlis pertunjukkan bahasa Melayu saya sama ada yang betul atau salahnya itu, maka di sini berkatalah saya bahawasanya kerana menurut timbangan neraca Bahasa Melayu saya sendiri yang berlainan terkeluar daripada bilangan neraca-neraca pendeta-pendeta Bahasa Melayu yang lain. Nyatalah "Qalam" dan "Warta" itulah yang mengandungi Bahasa Melayunya dan mudah difaham di Singapura dan serata negeri-negeri persekutuan Tanah Melayu ini.

Pada pengetahuan saya, di setengah pihak negeri Melaka, saudara-saudara kita di sana ada menyebut perkataan-perkataan Melayu yang berakhirkan huruf "ra" dijadikan huruf "wa", misalnya:- pasar disebut "pasau", tikar-"tikau"-penyakit samfur-"samfua".

Di Pulau Pinang dan Kedah, huruf "ra" menajdi seperti huruf "ain" misalnya:-pasir disebut oleh kebanyakan saudara-saudara kita di sana-"pasing'"-ular disebutnya "ula'"-fikir "piki'" atau "pikia'".

Dan di Kelantan pula, sungai disebut "Sunga"-M disebut "H" (seakan-akan di antara hurufnya dengan ha dan menerusi hidung)-godam yakni pukul disebut gaduh (antara ha dengan nga, dan "nga" itu tak terang sangat bunyinya serta menerusi hidung juga)-pergilah, diringkaskan (gilah" dan mas disebut "mah".

Akan tetapi kesemua negeri-negerinya itu orang-orang Melayunya tulisan mereka itu betul dan bersamaan belaka, maka tiada siapa boleh menyalahkan. Maka perselisihan tulisan daripada sebutan itu juga tiadalah boleh disalahkan, kerana yang demikian itu sudah menjadi kebiasaan sebut dari semenjak kecil mereka itu lagi. Terkecualilah orang-orang yang sudah bersekolah dan luas pengalamannya.

Ada pun setengah orang-orang Melayu yang tempat tumpah darahnya tiada berapa jauh dari Singapura iaitu seperti pulau-pulau Riau, Daik, Karimuan, Bengkalis, Bukit Batu Selat Panjang dan Siak Serari Inderapura dan juga beberapa pulau-pulau kecil yang berhampiran dengan Singapura bahawa Bahasa Melayu mereka itu hampir-hampir bersamaan dengan Bahasa Melayu Sigapura dan Johor dan begitu jugalah Bahasa Melayu yang Sumatera yang termasuk ke dalam bilangan Indonesia itu, dikatakan Bahasa Melayu-walaupun sekarang sedikit-sedikit Bahasa Jawa dan lain-lain lagi dikatakan Bahasa Melayu Indonesia belaka.

Terlanjur dengan menulis makalah ini teringat pula saya

makalah Tuan "HAMKA" bertajuk "Bahasa Menunjukkan Bangsa" di akhbar mingguan Warta" bilangan 6 keluaran 8 September 1953 berkenaan dengan perkataan "Cacau" yang telah didengarnya di Melaka seperti katanya: "Anak ini Cacau benar!" yang bererti budak nakal. Benar katanya itu dan "Cacau" ini sememang Bahasa Melayu dan banyak dipakai oleh kita Melayu di semenanjung ini. Malangnya Tuan "HAMKA" tidak memanjangkan huraian di makalahnya itu. Barangkali sengaja tidak hendak ia memangjangkan kelima maka oleh yang demikian meminta mengapalah saya memanjangkan apa yang saya tahu pula di sini:

Adapun perkataan "Cacau" datang daripada perkataan Melayu "Kacau" (orang-orang Kelantan menyebutnya Kaca) budak-budak yang nakal (terutama sekali yang dipermanjakan oleh ibu bapa mereka itu) sememang suka menyelongkar barang-barang ibu bapanya yan telah tersusun betul maka ibunya atau bapanya marah lalu berkata "jangan kacau barang-barang itu!" dan juga tatkala orang-orang bekerja diingatlah budak-budak nakal menggagnggu dan menggandalakan kemajuan orang-orang itu maka budak-budak nakal itu dikatakan "Pengacau".

Dan lagi jika seorang yang sedang sakit dan cakapnya sekejap bagini sekejap lain pula, pendeknya tidak tentu kehendaknya dengan pemandangannya, maka dikatakan orang sakit itu sedang "meracau".

Menurut pepatah Melayu tua: "Jikalau sudah di jalan baliklah ke pangkalan "dan" segan bertanya sesat jalan" maka dua pepatah ini saya acap kali amalkan. Oleh sebab sekrang ada banyak pihak kaum muda kita yang sedang mengembangkan Bahasa Melayu, menggunakan perkataan "mumkin" Maka saya merasa ingin hendak memakainya pula tetapi berkehendakkan saya ketahui betul-betul apa ertinya yang sebenar-benar terlebih dahulu banyak juga orang-orang mengatakan ertinya supaya-harus-nescaya-dan berbagai-bagai ertinya, tetapi semua itu tidak memuaskan hati saya. Maka sekarang saya memberanikan hati saya kepada Tuan "HAMKA" yang dikatakan seorang ahli bahasa Indonesia, bertanya kepada Tuan itu iakah atau tidak perkataan "mumkin" itu dari Bahasa Indonesia jikalau tidak daripada bahasa apakah asalnya, dan jika benar daripada bahasa Indonesia apakah ertinya yang sebenar dan bagaimana menggunakan dan masa boleh memakainya. Kerana ihsan Tuan "HAMKA" itu sedialah saya menjujungnya dengan tulus ikhlasnya serta mendahuluilah saya mengucap setinggi-tinggi dan sepenuh-penuh terima kasih.

****

Sudah terbit! Penggal 1, 2

ʻUmar Ibn al-Khaṭṭāb

Oleh

ʻAbdullāh Basmeh

Sejarah Khalifah Islam Yang Terbilang

4 penggal tamat Sepenggal $1.20

Sila pesan kepada:

Qalam Press Limited Singapura.